RINGGIT

EDISI MAC 2018

RAKAN KEWANGAN ANDA

PP 16897/05/2011 (029495)



ADAM50: Amanah Dana Anak Malaysia 2050



Perkiraan Sukarela Membantu Menyelamatkan Individu Daripada Muflis



Salah Faham Tentang Konsep Kewangan

Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup



ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

FOMCA


BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup

Ramai yang mengeluh bahawa kos sara hidup mereka meningkat. Namun tidak ramai yang memikirkan bagaimana untuk mengurangkan kesan akibat kenaikan kos sara hidup tersebut.

Berikut adalah beberapa cadangan yang boleh digunakan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup.

1. Berkongsi Kereta



Kerajaan sering mengadakan kempen menggalakkan rakyat berkongsi kereta untuk mengurangkan jumlah kenderaan dan menjimatkan masa di jalan raya, khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Malah kini, terdapat aplikasi telefon pintar yang memudahkan anda untuk mencari pemandu dan juga penumpang yang ingin berkongsi kenderaan untuk menuju ke destinasi yang sama. Selain itu, anda juga boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh *Grab* melalui *GrabHitch* atau *Uber* dengan perkhidmatan perkongsian keretanya, *UberPOOL*.

Bagi yang ingin menghantar anak berulang-alik ke sekolah pula boleh menggunakan perkhidmatan *Kidz Carpool*.

2. Penggunaan Kad Kredit

Kad kredit dapat membantu anda menjimatkan perbelanjaan. Namun penggunaan kad kredit memerlukan tahap disiplin yang tinggi. Kad kredit mempunyai kebaikan dan keburukan, terpulang kepada cara anda menggunakannya. Anda boleh melayari pelbagai laman sesawang kewangan yang memudahkan anda untuk membandingkan kadar caj dan manfaat kad kredit tersebut.



"Ramai ya
Namun tidak r



Cuba cari kad kredit yang menawarkan rebat tunai atau *cashback*. Ada yang memberi 5% rebat tunai. Contohnya jika anda berbelanja RM100, anda akan mendapat rebat RM5 pada penghujung bulan.

Ada juga yang menawarkan mata ganjaran apabila berbelanja. Apabila sudah cukup banyak, mata ganjaran boleh ditebus untuk mendapatkan pelbagai jenis hadiah daripada pihak pengeluar kad.

Namun anda perlu memastikan bahawa anda membayar sepenuhnya apabila menerima penyata bulanan kad kredit anda. Jangan biarkan kredit anda tertunggak kerana anda akan dikenakan kadar faedah yang tinggi.

3. Bawa Bekal Ke Tempat Kerja



Di negara-negara maju seperti Jepun, Korea Selatan atau Amerika Syarikat, istilah *lunch* atau makan tengah hari sangat asing bagi mereka. Sedangkan kita setiap hari berbelanja sehingga RM10 – RM15 waktu makan tengah hari untuk sepinggan nasi dan lauk serta segelas air.

Kita boleh menjimatkan belanja jika membawa bekal dari rumah.



ng mengeluh bahawa kos sara hidup mereka meningkat. amai yang memikirkan bagaimana untuk mengurangkan kesan akibat kenaikan kos sara hidup tersebut."

Cuba cari menu sarapan atau makan tengah hari yang ringkas, yang boleh siap dalam masa 10 minit sahaja.

Dengan memasak sendiri sebelum ke tempat kerja, anda boleh mendapat manfaat lain seperti:

- sebagai senaman pagi sebelum ke tempat kerja
- mengekalkan kesihatan
- menjamin kebersihan
- memberi kepuasan
- meningkatkan kreativiti
- mengawal kuantiti makanan untuk tujuan kesihatan

4. Beli Barang Semasa Jualan Murah atau Jualan Gudang



Anda boleh menjimatkan perbelanjaan apabila membeli semasa jualan murah atau jualan gudang dengan menikmati diskaun ketika pihak penjual membuat promosi jualan murah atau jualan penghabisan stok.

Sebagai contoh, pada musim perayaan seperti Hari Raya – ada pasar raya yang membuat promosi besar-besaran. Begitu juga jualan gudang yang diadakan pada setiap akhir tahun boleh membantu anda menjimatkan perbelanjaan menyediakan keperluan persekolahan anak-anak.

Sekiranya anda dapat mengamalkan panduan di atas, sedikit-sebanyak ia dapat melegakan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Sumber: majalahlabur.com

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7873 0636
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

ADAM50: Amanah Dana Anak Malaysia 2050



Semasa pembentangan Bajet 2018 yang lalu, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, telah mengumumkan mengenai Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau lebih ringkas disebut sebagai ADAM50.

Secara ringkasnya, ADAM50 ialah insentif yang diberikan kepada semua bayi warganegara Malaysia yang lahir bermula pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2022.

Insentif ini adalah dalam bentuk dana berjumlah RM200 yang diberi secara percuma sebagai dana permulaan tabungan sama ada di dalam dana Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi bayi Bumiputera atau dana Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) bagi bayi bukan Bumiputera.

Objektif utama insentif ini adalah untuk menggalakkan ibu bapa memulakan dana tabungan untuk anak-anak mereka.

Insentif yang diberikan ini, berserta agihan pendapatan dividen atau bonus ke atasnya, tidak boleh dikeluarkan atau ditebus sehingga tempoh matang bayi berumur 18 tahun.

Kriteria kelayakan ADAM50

ADAM50 layak diberikan kepada:

- Bayi yang lahir pada 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2022
- Bayi merupakan warganegara Malaysia
- Ibu atau bapa atau penjaga berdaftar merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas
- Ibu atau bapa atau penjaga berdaftar tidak diisytiharkan muflis semasa pendaftaran ADAM50 dilakukan

Cara permohonan ADAM50

Bagi yang memenuhi kriteria-kriteria di atas, anda boleh memohon ADAM50 bagi anak yang baru dilahirkan.


Tempoh permohonan adalah bermula dari kelahiran bayi sehinggalah setahun dari tarikh kelahiran bayi tersebut.

Sebagai contoh, jika bayi lahir pada 20 Januari 2018, maka tempoh kelayakan untuk memohon ADAM50 bagi bayi tersebut adalah sehingga 20 Januari 2019.

Selepas tempoh setahun tersebut, maka kelayakan untuk mendapatkan insentif percuma ADAM50 adalah terbatal.

Untuk memohon ADAM50, ibu atau bapa atau penjaga berdaftar warganegara Malaysia hanya perlu datang ke mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara seperti Maybank, CIMB Bank, Pos Malaysia, RHB Bank, AmBank, Affin Bank atau Alliance Bank dengan membawa **dokumen-dokumen** berikut:

- Dokumen pengenalan diri (MyKad) ibu atau bapa atau penjaga berdaftar.
- Dokumen pengenalan diri (MyKid) bayi atau Sijil Kelahiran (sekiranya MyKid masih belum diterima).
- Sebarang dokumen sokongan seperti Surat Pertalian Darah, perintah mahkamah dan lain-lain jika penjaga berdaftar bukan dalam kalangan ibu atau bapa bayi.



Isi borang pendaftaran dan serahkan dokumen-dokumen tersebut.

Jika semuanya memenuhi syarat, maka permohonan akan diluluskan.

Akaun untuk bayi akan dibuka dengan jumlah permulaan sebanyak RM200 yang diberi percuma.



Pelaburan tambahan

Selepas akaun tersebut dibuka, ibu atau bapa atau penjaga berdaftar boleh membuat pelaburan tambahan untuk bayi dari semasa ke semasa.

Contohnya, anda boleh membuat pelaburan tambahan setiap bulan dengan menolak sejumlah amaun daripada gaji anda.

Setiap kali bayi mendapat hadiah wang seperti duit raya, maka anda boleh memasukkan wang tersebut ke dalam akaun ini.

Dengan pelaburan tambahan tersebut, berserta agihan pendapatan yang diberikan dalam bentuk dividen dan bonus, jumlah yang semakin bertambah ini boleh dijadikan dana untuk masa depan si anak, sama ada sebagai dana pendidikan atau modal memulakan bisnes kecil-kecilan.

Sumber: jomurusduit.com



Perkiraan Sukarela Membantu Menyelamatkan Individu Daripada Muflis

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah dilantik oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) sebagai Penama *(Nominee)* dalam usaha untuk membantu menyelamatkan individu daripada jatuh muflis melalui pelaksanaan Perkiraan Sukarela (*Voluntary Arrangement* / VA). Kewujudan VA merupakan sebahagian daripada pindaan yang dibuat dalam Akta Insolvensi 1967 (dahulu dikenali sebagai Akta Kebankrapan 1967) berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017.

VA merupakan satu mekanisme penyelamat yang memberi peluang kepada penghutang untuk berunding dan merancang satu pelan pembayaran semula dengan semua penyedia kredit bagi mengelakkan tindakan undang-undang kebankrapan.

Sebagai peminjam, kebaikan VA antara lain adalah:-

a. Mengelakkan stigma kebankrapan
b. Bebas daripada kehilangan kelayakan dan ketidakupayaan sebagai seorang muflis yang diperuntukkan di bawah Akta Insolvensi 1967. Melalui VA, penghutang dibenarkan untuk mengembara ke luar negara, menjadi pengarah syarikat, menjalankan perniagaan dan kekal bekerja.
c. Penghutang dilindungi di sisi perundangan melalui perjanjian antara penyedia kredit dan penghutang, sekiranya mereka mematuhi pelan ansuran seperti yang dipersetujui.

Dalam usaha untuk memberi penjelasan yang lebih terperinci berkaitan VA dan peranan utama AKPK dalam membantu individu yang berpotensi muflis, AKPK telah mengadakan satu sesi taklimat di Dewan Serbaguna, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Taklimat disampaikan oleh wakil MdI mengenai lapan perubahan Dasar Rang Undang-Undang (RUU) Kebankrapan (Pindaan) 2016, sementara wakil AKPK memberi penjelasan tentang prosedur operasi VA.

Taklimat ini juga memberi penerangan yang lebih terperinci berkaitan mekanisme VA bagi membolehkan institusi atau organisasi berkaitan membantu penghutang yang terlibat untuk membuat permohonan VA. Taklimat dihadiri oleh Ketua Bahagian Kutipan Hutang, wakil-wakil dari institusi kewangan, penyedia kredit, agensi-agensi dan organisasi-organisasi yang berkaitan. Turut hadir adalah Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Y.Bhg. Datuk Abdul Rahman Putra Bin Dato' Haji Taha dan Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Encik Azaddin Ngah Tasir.

Nantikan Ringgit edisi Mei 2018 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perincian VA.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)





Kenali Ciri-Ciri Pelaburan Haram

Kenapa masih ramai tertipu dengan pelaburan haram? Walaupun pelaburan haram ini sudah wujud di Malaysia sejak dari dulu lagi, tetapi masih ramai yang tertipu. Ada beberapa cara untuk mengenal pasti penipuan ini, terutamanya yang berkaitan dengan pelaburan.



1. Pengambilan Deposit

Jika anda ingin melabur dalam sesuatu pelaburan, wang pelaburan tersebut sepatutnya dibayar ke dalam akaun syarikat yang anda ingin melabur. Namun jika wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun individu atau syarikat pihak ketiga, anda perlu berhati-hati. Tidak kira sama ada bayaran dibuat secara tunai, melalui cek atau pemindahan ke dalam akaun bank, sesebuah syarikat yang ingin menerima deposit daripada orang ramai untuk tujuan pelaburan perlu memiliki lesen daripada Bank Negara Malaysia (BNM) seperti bank atau syarikat kewangan.

2. Keuntungan

Semua orang mudah dikaburkan dengan kadar keuntungan yang berlipat kali ganda. Namun kadar pulangan keuntungan tersebut perlu berpatutan berdasarkan jenis pelaburan. Jika pulangan berdasarkan berapa ramai *downline* yang berada di bawah anda, maka anda perlu berwaspada. Apa kaitan untung pelaburan dengan bilangan *downline* pula?





3. Risiko

Ramai penganjur pelaburan haram yang mendakwa pelaburan mereka tidak mempunyai risiko langsung. Ini merupakan dakwaan klise yang perlu anda berhati-hati. Tidak ada pelaburan yang tidak mempunyai risiko. Setiap pelaburan ada untung dan rugi.

4. Dokumen rujukan

Dalam apa juga jenis pelaburan, perlu ada dokumen rujukan, seperti prospektus. Prospektus tersebut perlu diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Jika pelaburan yang ditawarkan kepada anda tidak mempunyai sebarang dokumen yang boleh dijadikan rujukan terhadap pelaburan tersebut, ia adalah pelaburan haram.





5. Produk

Apabila anda ingin melabur, anda perlu tahu jenis produk pelaburan tersebut, seperti adakah pelaburan tersebut merupakan Amanah Pelaburan Hartanah (REITs), unit amanah dan sebagainya. Anda perlu mengetahui bagaimana pelaburan tersebut boleh menjana keuntungan dan apakah faktor yang mempengaruhi prestasi untung rugi pelaburan.

Sumber: www.duitkertas.com



Salah Faham Tentang Konsep Kewangan

Generasi milenium (Gen Y) pada masa ini kian tersepit. Menurut kajian *Asian Institute of Finance* (AIF), 38% daripada Gen Y memiliki pinjaman peribadi, dan 47% pula memiliki kad kredit, manakala hanya 28% yang benar-benar yakin dengan pengurusan kewangan peribadi mereka.

Statistik di atas membangkitkan persoalan: adakah budaya atau kekurangan pendidikan yang mencetus polemik tersebut? Walaupun setiap individu perlu bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan masing-masing, namun terdapat beberapa salah faham kewangan yang perlu diberi penerangan kerana ia akan mendatangkan kesan yang besar terhadap seluruh masyarakat.

1. Tidak baik untuk berhutang

Sejak kanak-kanak lagi, ibu bapa telah menanam pemahaman bahawa berhutang merupakan tindakan yang buruk. Malangnya, pemahaman tersebut telah menyempitkan pandangan rakyat Malaysia terhadap skim-skim yang ditawarkan oleh bank dan institusi kewangan yang lain.

Sebenarnya, terdapat pinjaman-pinjaman peribadi, pelan pindahan baki, ansuran tanpa faedah serta pelan pendahuluan tunai di pasaran yang boleh membantu pengguna dalam isu-isu kewangan untuk mencapai matlamat kewangan mereka, dengan kadar faedah yang rendah.

Salah faham ini masih lagi ketara di kawasan pinggir bandar dan luar bandar, terutamanya apabila maklumat untuk menguruskan hutang dengan betul masih lagi sukar untuk diakses. Namun kemudahan pinjaman, cagaran, gadaian dan kad kredit hanya akan membantu sekiranya anda menggunakannya dengan betul.

Lantas sebelum berhutang, pertimbangkan soalan-soalan berikut terlebih dahulu:

- Bagaimanakah anda boleh menguruskan hutang dengan baik?
- Bilakah anda boleh memohon pinjaman?
- Apakah perbezaan antara hutang baik dan hutang buruk?
- Bagaimanakah anda boleh menjelaskan hutang tanpa membebankan kewangan anda?

2. Tidak bagus memiliki kad kredit

Persepsi masyarakat terhadap kad kredit yang menyangka kad kredit adalah untuk golongan yang boros berbelanja dan tidak tahu menyimpan. Sebenarnya kad kredit hanya akan membawa bencana jika pengguna tidak tahu akan ciri-ciri kad kredit dan menggunakannya tanpa batasan.

Kad kredit akan membantu perbelanjaan anda terutamanya jika anda tahu akan kelebihan-kelebihan yang ditawarkan, seperti kadar faedah 0% untuk pembelian secara ansuran, penjimatan wang dengan tawaran rebat dan juga menikmati tawaran-tawaran eksklusif daripada bank.

Tambahan pula, jika anda memiliki kad kredit dan membuat bayaran penuh setiap bulan, ia akan menambah baik skor kredit dan bakal memudahkan anda untuk membuat pinjaman pada masa akan datang.

3. Bank merupakan tempat baik untuk mengembangkan wang

Walaupun kenyataan ini adalah betul, sebenarnya masih ada lagi alternatif pelaburan yang menawarkan kadar faedah dan dividen yang lebih tinggi di pasaran berbanding dengan deposit tetap serta akaun simpanan di bank.

Pilihan-pilihan yang ada antaranya unit amanah, saham, bon ataupun memulakan perniagaan sendiri. Dengan portfolio yang seimbang, anda tidak perlu melabur semua wang yang anda miliki. Menyimpan semua wang di bank juga tidak akan mampu untuk mengembangkan wang, apatah lagi dengan kesan inflasi. Jadi, peruntukkan sebahagian daripada pendapatan anda untuk pelaburan-pelaburan yang anda yakini, terutamanya yang memberi pulangan yang stabil.

4. Perlu fokus kepada pendapatan pasif

Pada era ini, pendapatan pasif (pendapatan yang tidak memerlukan anda bekerja) tidak dinafikan amat penting. Namun begitu, jika anda masih lagi mempunyai pekerjaan, sama ada sepenuh masa, secara kontrak, ataupun berniaga, kerjaya tersebut perlu diberi keutamaan. Ramai rakyat Malaysia yang terperangkap apabila memberi lebih tumpuan kepada pendapatan pasif mereka sehingga terjebak dengan skim penipuan pendapatan pasif, dan juga dipecat daripada kerja akibat tidak produktif semasa bekerja.

Jika anda mempunya kemahiran, berikan sahaja tumpuan sepenuhnya terhadap kerja tetap dan tingkatkan kemahiran yang berkaitan dengan kerjaya seperti sijil-sijil kelayakan, ataupun kerja sambilan bagi menampung pendapatan. Di samping memberikan tumpuan terhadap pekerjaan, kembangkan wang simpanan anda dengan alternatif lain seperti pelaburan.

5. Berbelanja besar akan meningkatkan kualiti hidup

Semakin ramai generasi milenium yang terperangkap dengan tarikan gaya hidup mewah. Salah faham tentang keperluan untuk berbelanja besar bagi meningkatkan taraf hidup ini bakal mencetuskan bencana jika tiada perubahan dilakukan.

Jika ingin menuding jari untuk mencari siapa yang bersalah dalam hal ini, ia tidak akan berkesudahan. Namun, segalanya bermula dari rumah, iaitu ibu bapa berperanan dalam membentuk kesedaran kewangan kepada anak-anak sejak dari awal. Contohnya, mengajar anak-anak untuk membandingkan harga barang ketika di kedai, dan memilih untuk berjimat cermat ketika berbelanja.

Daripada sudut yang lain pula, masih ramai rakyat Malaysia yang berhabis ratusan hingga ribuan ringgit membeli barang-barang berjenama, semata-mata untuk kelihatan berpendapatan tinggi. Sikap ini telah menjadi barah dalam komuniti dan melahirkan masyarakat yang materialistik dan hedonistik.

Sikap ini juga akan membuatkan anda mudah terpedaya dengan perangkap harga, iaitu membeli barang-barang yang mungkin terlalu mahal berbanding kualiti yang ditawarkan.

6. Anda perlu ada RMXX pada umur tertentu

Memang sesuatu yang baik untuk meletakkan sasaran kewangan bagi memotivasikan diri, tetapi ramai rakyat Malaysia terlalu fokus akan sasaran ini sehingga memandang rendah terhadap orang lain, daripada segi jumlah pendapatan sehinggalah usaha seseorang itu untuk menambah baik taraf hidup.

Sikap ini juga telah dikhuatiri memburukkan budaya materialistik dalam kalangan masyarakat. Malah dalam usaha untuk mencapai sasaran tersebut, individu berkemungkinan akan menggunakan apa jua cara sehingga merampas hak orang lain.

Jika anda risau tentang pendapatan anda berbanding golongan lain yang sebaya dengan anda, teruskan untuk menambah baik kemahiran diri anda sehingga menjadi yang terbaik dalam bidang yang anda ceburi.

7. Anda perlu berkira

Menyimpan wang merupakan satu tindakan yang murni. Oleh itu, janganlah kedekut atau berkira untuk menyimpan wang. Sebaliknya anda perlu berkira untuk mendapat nilai barang dan perkhidmatan yang setimpal dengan apa yang anda telah bayar.

Sumber: Comparehero.my

Apakah Pelaburan Terbaik?

APA ITU PELABURAN?

Pelaburan adalah komitmen wang atau modal untuk membeli instrumen kewangan atau aset lain untuk mendapatkan hasil yang menguntungkan dalam bentuk bayaran faedah, pendapatan, atau penambahan nilai instrumen.

KENAPA PELABURAN PENTING?

- Mencapai matlamat kewangan
- Mengatasi inflasi
- Menambah pendapatan



Jenis-Jenis Pelaburan

PELABURAN TUNAI DAN FAEDAH TETAP

Ia menyediakan kemudahan apabila anda memerlukan wang dan anda tidak mungkin kehilangan modal kerana ianya terjamin.

SAHAM

Saham (juga dikenali sebagai ekuiti atau syer) mewakili pemilikan dalam sesebuah syarikat. Apabila anda membeli saham, anda menjadi sebahagian daripada pemilik syarikat dan berhak atas nilai masa depan sahamnya dan keuntungannya.

DANA UNIT AMANAH

Dalam unit amanah, wang daripada ramai pelabur individu akan dikumpulkan untuk membeli beberapa kelas aset yang berlainan dalam kuantiti yang besar. Pengurus dana profesional akan menentukan peratusan daripada dana yang akan dilaburkan dalam setiap kelas aset, dan mengenal pasti negara, industri dan syarikat yang mempunyai prospek dan pulangan terbaik. Setiap pelabur akan menerima unit dalam dana ini, setiap unit mewakili campuran pelbagai kelas aset seperti saham, bon dan simpanan tetap.



HARTANAH

Pelaburan hartanah menawarkan nilai kepada pelabur dalam dua cara:

- Peningkatan dalam nilai modal memandangkan harga rumah dan tanah meningkat dalam sesuatu jangka masa
- Memperoleh pendapatan daripada sewaan rumah

BON

Apabila anda membeli bon kerajaan atau bon syarikat,anda 'meminjamkan' wang anda bagi jangka masa tertentu pada kadar faedah yang telah ditentukan. Hasilnya, anda menerima pulangan pendapatan yang tetap melalui pembayaran faedah yang juga tetap.

DANA AMANAH PELABURAN HARTANAH (REAL ESTATE INVESTMENT TRUST - REIT)

Ini sama seperti unit amanah saham kecuali pelaburan yang dibuat adalah bagi bangunan dan hartanah. Keuntungan daripada pelaburan sedemikian akan diagihkan kepada pelabur dalam bentuk dividen.

Bagaimana memilih **pelaburan** terbaik?

TUJUAN PELABURAN

- adakah untuk mengembangkan modal
- adakah untuk aliran tunai setiap modal





KEFAHAMAN DAN PENGETAHUAN

Instrumen pelaburan yang hendak dipilih seharusnya adalah pelaburan yang kita sendiri faham dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaannya. Contohnya pelaburan saham, seseorang itu perlu faham dan tahu tentang perkara-perkara asas seperti cara jual beli, kiraan unit, caj-caj terlibat, modal diperlukan, cara memilih kaunter terbaik, teknik menganalisis prestasi kaunter / syarikat *(fundamental analysis)* dan teknik membaca pergerakan carta saham *(technical analysis)*. Begitu juga dengan pelaburan hartanah, perlu tahu tentang kos-kos terlibat, undang-undang berkaitan, cara beli rumah, strategi pelaburan hartanah yang menguntungkan dan teknik mendapatkan penyewa yang baik. Dalam membuat pelaburan, jangan sekadar mengikut orang lain, sebaliknya biar kita membuat keputusan berdasarkan kefahaman dan pengetahuan sendiri.

Kesimpulannya, setiap peluang pelaburan adalah sesuai untuk semua orang, namun peluang pelaburan terbaik adalah mengikut citarasa dan minat masing-masing yang berbeza-beza.

TOLERANSI RISIKO

Secara mudah, toleransi risiko seseorang dikelaskan kepada rendah, sederhana dan tinggi.

Orang yang mempunyai toleransi risiko yang rendah tidak sanggup menghadapi risiko yang tinggi dalam pelaburan, mereka takut kehilangan modal pelaburan dan tidak sanggup menunggu lama untuk mendapatkan pulangan modal. Mereka tidak sanggup menghadapi turun naik pasaran. Jadi, pilihan pelaburan terbaik untuk mereka adalah akaun deposit tetap *(fixed deposit)*, bon dan sukuk. Manakala bagi yang mempunyai toleransi risiko yang lebih tinggi pula (sederhana dan tinggi), mereka boleh melabur dalam pelaburan yang lebih bersifat jangka masa panjang dan mengabaikan turun naik pasaran dalam jangka masa pendek seperti pelaburan unit amanah ekuiti dan saham.

AKPK

AKPKofficial

KEMUDAHAN BANTUAN BENCANA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pembiayaan untuk Membangun Semula Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

yang terjejas
AKIBAT BANJIR



Ciri-ciri Utama

- Kadar pembiayaan efektif 2.25% setahun
- Jumlah pembiayaan maksimum RM500,000
- Tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun

Institusi kewangan peserta

- **Semua bank perdagangan dan bank Islam**
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat);
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)

Permohonan boleh dibuat sehingga 31 Mei 2018

Untuk maklumat lanjut

Hubungi **BNMTELELINK**
1-300-88-5465

Faksimile **03-2174 1515**
E-mel **bnmtelelink@bnm.gov.my**